

# Kesan El Nino/ La Nina terhadap Asia Tenggara

**JAKARTA:** Sedang kesan El Nino paling teruk dalam hampir 20 tahun masih dirasakan di seluruh dunia, persediaan untuk La Nina sudah bermula.

Indonesia akan mengagihkan pam air kepada petani dan menilai stok simpanan beras mereka.

Ini kerana Indonesia menjangkakan kesan cuaca itu pada Oktober, ujar Menteri Pertanian Amran Sulaiman kepada pemberita di Jakarta, bulan lalu.

La Nina, kadangkala dianggap sebagai bertentangan dengan El Nino, biasanya membawa hujan ke rantau itu dan mengancam tanaman dengan banjir dan tuaian yang lambat.

Australia berkata kesan El Nino telah memuncak sementara ada kemungkinan La Nina berlaku pada pertengahan kedua tahun ini.

El Nino telah menghalang tanaman koko di Ivory Coast, membendung monsun di India dan memaksa Filipina mengimport lebih banyak beras.

Indonesia pula mengerahkan pesawat tahun lalu melakukan pembenihan awan bagi meringankan keadaan kemarau yang menghadkan pengeluaran minyak sawit dan memburukkan lagi kebakaran hutan yang mengakibatkan jerebu di rantau ini.

Berdasarkan 26 peristiwa El Nino sejak 1900, sekitar 50 peratus diikuti dengan tahun neutral dan sekitar 40 peratus lagi diikuti La Nina, kata biro cuaca di Australia pada 5 Januari lalu.

"Kami bertindak awal, seperti yang kami lakukan pada musim kemarau," kata Encik Amran.


Pengeluaran minyak sawit dijangka kekal atau atau berkurang sekitar 3 peratus pada tahun ini, menurut Ketua Kumpulan Wang Tanaman Estet Indonesia untuk Palmoil Bayu Krisnamurthi.

El Nino berlaku apabila terdapat pemanasan di khatulistiwa di Lautan Pasifik, manakala La Nina terjadi apabila berlaku penyejukan air.


Masing-masing boleh memberi kesan kepada pasaran pertanian kerana petani berdepan dengan hujan yang terlalu banyak atau terlalu sedikit.

Sebahagian besar pertanian di Amerika Syarikat mengalami kekeringan semasa La Nina, manakala sebahagian Australia boleh menjadi lebih lembap daripada biasa.

La Nina terakhir sebelum ini bermula pada 2010 dan bertahan sehingga 2012. - Bloomberg.



**El Nino**  
Tiupan angin menjadi lemah sehingga membolehkan air yang lebih panas beralih ke arah tengah dan timur Pasifik. Suhu yang lebih panas berbanding biasa ini dikaitkan dengan termoklin yang semakin dalam di kawasan tengah hingga timur Pasifik serta suhu permukaan laut yang lebih panas. Suhu permukaan laut yang lebih dingin di sekitar kawasan utara Australia pula disebabkan di kawasan tumpuan perolakan yang beralih ke arah bahagian tengah Lautan Pasifik yang tropikal serta jumlah hujan yang lebih banyak di negara seperti Kiribati dan Peru



**La Nina**  
Peredaran Walker menjadi lebih hebat dengan pergolakan yang meningkat di Pasifik Barat dan tiupan yang lebih kuat. Ini membuat air yang lebih panas terbatas ke bahagian Pasifik yang beriklim tropikal di barat Australia dan menyebabkan suhu permukaan laut di utara negara itu yang lebih panas. Keadaan ini boleh menjadi penyebab monsun Australia menjadi lebih kuat.

\*Peredaran Walker menerangkan aliran udara di kawasan tropika

